

SOALAN NO: 259

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
RUJUKAN : BL5 [PR-1343-T75776]
SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengenai projek perumahan mampu milik dalam Bandar Raya Kuala Lumpur termasuk Parlimen Bukit Bintang sepanjang 2 tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, status pencapaian pelaksanaan di bawah Program RUMAWIP di Wilayah Persekutuan yang merangkumi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dari tahun 2013 sehingga 12 Oktober 2016 adalah sebanyak 47,389 unit dengan 72 projek menerusi Program RUMAWIP dan PPA1M.

Indikator pengukuran status pencapaian ini dibuat berasaskan kategori "Siap Dibina" iaitu sebanyak 3,346 unit, "Sedang Dibina" sebanyak 22,242 unit dan "Lulus Perintah Pembangunan" sebanyak 21,621 unit. Pencapaian bagi tempoh 2 tahun iaitu 2015 sehingga 2016 pula secara keseluruhan bagi ketiga-tiga kategori tersebut adalah sebanyak 31,397 unit.

Daripada jumlah tersebut, terdapat sebanyak 658 unit di dalam projek pembangunan semula Razak Mansion adalah di dalam Parlimen Bukit Bintang yang sekarang ini sedang di peringkat pembinaan.

Pada masa yang sama juga, Perbadanan PR1MA Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri juga akan melaksanakan projek PR1MA di Jalan Jubilee, Bukit Bintang. Berdasarkan semakan, projek ini menawarkan sebanyak 543 unit meliputi pelbagai saiz daripada 900 kaki persegi hingga 1,089 kaki persegi. Harga jualan bermula daripada RM275,000 seunit.

Kementerian Wilayah Persekutuan mengalu-alukan jika Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang dapat membantu mengenal pasti tapak-tapak yang

bersesuaian di Parlimen Bukit Bintang bagi dikaji kesesuaian pelaksanaan rumah mampu milik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN

SOALAN : NO. 260

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pesakit pelbagai peringkat dan masalah-masalah yang dihadapi oleh Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia berikutan bertambahnya kes kecemasan yang terpaksa diuruskan berlarutan masa, laporan uji kaji ke atas pesakit yang lewat didiagnosis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pesakit di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) bagi tempoh 3 tahun adalah seramai 566,754 orang (2014), 584,307 orang (2015) dan 399,632 orang (sehingga Ogos 2016).

Kebanyakan pesakit di PPUKM memerlukan rawatan lanjutan dan dimasukkan ke wad. Terdapat beberapa prosedur yang perlu disaring sebelum pesakit-pesakit ini ditentukan tahap rawatan mereka. Di Jabatan Perubatan Kecemasan (JPK), PPUKM setiap pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan akan melalui proses penyaringan yang dikenali sebagai "Triaj". Selepas itu, pesakit akan dikenal pasti mengikut kategori rawatan di mana pesakit yang paling kritikal akan diberikan rawatan dengan serta merta (Triaj 1). Pesakit-pesakit yang lain akan diletakkan mengikut kategori Triaj yang bersesuaian iaitu Triaj 2a,

2b, atau 3. Kategori Triaj 1, 2a dan 2b diklasifikasikan sebagai pesakit kritikal, manakala Triaj 3 adalah kes tidak kritikal.

Bagi membantu mempercepatkan proses saringan di JPK, PPUKM telah memperkenalkan sistem 'Red Box' di mana rawatan kecemasan dan intensif dengan keutamaan kepada semua pesakit kritikal akan dilakukan dengan segera selepas proses triaj tanpa menunggu pesakit ditempatkan di wad. Manakala rawatan bagi pesakit tidak kritikal adalah bergantung kepada keadaan mereka. Proses ujian pula terbahagi kepada ujian makmal dan ujian radiologi dan tempoh masa adalah bergantung kepada jenis ujian yang dilakukan.

Pihak PPUKM sentiasa berusaha untuk menambahbaik produktiviti dan cara kerja termasuk perkhidmatan yang ditawarkan kepada masyarakat.

SOALAN (261)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

SOALAN :-

**Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI
KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) kos yang telah dibayar untuk Penambahbaikan Taman Bukit Kiara di Kuala Lumpur dan peratusan penambahbaikan yang telah siap; dan
- (b) sebab Bukit Kiara diambil-alih oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan daripada DBKL.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan Taman Persekutuan Bukit Kiara dilaksanakan secara berperingkat sesuai dengan keadaan kawasan dan konsep pembangunan Arboretum dan Rekreasi untuk taman berkenaan. Sehingga ini sebanyak RM24 juta ringgit telah dibelanjakan untuk pembangunan Taman tersebut oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara; antara skop kerja yang terlibat adalah menaik taraf zon rekreasi keluarga, membina pagar sempadan, menanam spesis tumbuhan berkayu untuk menggantikan pokok-pokok getah tua, kerja-kerja penambahbaikan cerun dan kawalan hakisan serta kerja menaiktaraf kemudahan utiliti dan infrastruktur taman bagi Zon Rekreasi Keluarga dan Zon Arboretum.

Sementara itu, kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan setiap hari bagi memastikan akses untuk kemudahan rekreasi sentiasa tersedia untuk pengguna taman. Sebahagian besar projek penambahbaikan yang dirancang sehingga 2016 telah siap manakala sebahagian lagi telah mencapai 90% siap. KPKT akan meneruskan kerja-kerja pembangunan berperingkat sepertimana yang dirancang untuk Taman ini sehingga siap sepenuhnya dalam tempoh 5 tahun.

- (b) KPKT telah mengambilalih pengurusan tapak Bukit Kiara daripada DBKL pada Ogos 2010 berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 27 Jun 2007 supaya dibina sebuah Taman Awam Berskala Besar (TABB) di Bukit Kiara, Kuala Lumpur melalui pendekatan Taman Persekutuan; yang berfungsi sebagai taman rekreasi untuk orang ramai beriadah, bersukan dan menikmati keindahan alam dengan keluasan yang sesuai.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016